



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA  
PADA SUKU PERTAMA 2024 DAN TAHUNAN 2023**

**Perbelanjaan pelawat domestik Malaysia melonjak sebanyak 25.3% pada Suku Tahun Pertama 2024**

**PUTRAJAYA, 12 JUN 2024** – Perbelanjaan pelancongan domestik bagi suku pertama 2024 merekodkan RM24.1 bilion, melonjak 25.3 peratus tahun ke tahun. Bilangan pelawat domestik di Malaysia mengalami lonjakan yang ketara untuk merekodkan 58.6 juta pelawat domestik bagi suku pertama 2024, meningkat 19.0 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pelawat domestik meningkat 6.5 peratus berbanding suku keempat 2023. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) 2023 DAN BULETIN DTS BAGI SUKU PERTAMA 2024**. Laporan itu turut membentangkan statistik tahunan 2023 berkaitan statistik ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik pada 2023.

Dalam kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkaan Malaysia berkata “Prestasi tahunan pelancongan domestik di Malaysia mengalami peningkatan yang drastik pada 2023 dengan jumlah perbelanjaan mencatatkan RM84.9 bilion, berbanding RM64.1 bilion pada 2022. Prestasi yang memberangsangkan bagi perbelanjaan ini didorong oleh peningkatan jumlah perbelanjaan oleh pelancong, 34.4 peratus dan pelawat harian, 29.7 peratus, dimana perbelanjaan pelancong adalah penyumbang majoriti iaitu sebanyak 61.5 peratus (2022: 60.7%). Jumlah pelawat domestik turut melonjak 24.6 peratus untuk mencatatkan 213.7 juta pelawat berbanding 171.6 juta pelawat pada tahun 2022.”

Perbelanjaan tertinggi pelawat domestik adalah untuk membeli-belah dengan sumbangan sebanyak 36.3 peratus (2022: 38.9%), diikuti oleh makanan & minuman, 16.3 peratus (2022: 15.2%) dan pembelian bahan api kenderaan, 13.2 peratus (2022: 13.8%). Melawat saudara-mara & rakan-rakan kekal sebagai penyumbang utama bagi tujuan pelancongan domestik iaitu 33.6 peratus (2022: 33.7%), namun ia masih belum mengatasi peratusan yang dicatatkan pada tahun pra-pandemik iaitu 42.3 peratus. Membeli-belah kekal sebagai tujuan kedua dengan sumbangan 32.6 peratus (2022: 29.9%).

Jumlah perjalanan domestik menunjukkan peningkatan ketara di mana pelawat domestik telah melakukan 241.5 juta perjalanan di dalam negara pada tahun 2023, melonjak 16.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, purata bilangan hari menginap (ALOS) menurun kepada 2.45 malam berbanding 2.55 malam pada tahun sebelumnya.


Mengulas lanjut mengenai ketibaan pelawat domestik mengikut negeri pula, Selangor muncul sebagai negeri dikunjungi paling ramai pelawat domestik pada tahun 2023 iaitu menarik seramai 27.6 juta pelawat domestik, diikuti oleh W.P Kuala Lumpur dan Sarawak masing-masing menerima 22.2 juta dan 17.9 juta pelawat domestik. Jumlah pelancong domestik yang berkunjung ke negeri Johor menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 42.7 peratus bagi merekodkan 8.92 juta pelancong berbanding tahun sebelumnya, 6.25 juta pelancong.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 - 2024**




**Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 - 2024**



**Carta 3: Bilangan Pelawat Domestik di Malaysia, 2012 – 2023**



**Carta 4: Jumlah Perbelanjaan Pelawat Domestik di Malaysia, 2012 – 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 JUN 2024**



**MEDIA STATEMENT**  
**FOR PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA**  
**IN FIRST QUARTER 2024 AND ANNUAL 2023**

---

***Malaysia's domestic visitor expenditure soared with a 25.3% in Q1 2024.***

**PUTRAJAYA, 12 JUNE, 2024** – Domestic tourism expenditure for the first quarter of 2024 recorded RM24.1 billion, increased 25.3 per cent year-on-year. The number of domestic visitors in Malaysia experienced a significant surge to record 58.6 million visitors for the first quarter 2024, increased 19.0 per cent as compared to the same quarter of previous year. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, domestic visitors increased 6.5 per cent as compared to fourth quarter of 2023. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **MALAYSIA'S DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS) 2023 AND DTS BULLETIN'S FOR FIRST QUARTER 2024**. The report also present annual statistics on visitor arrivals, tourism expenditure, travel patterns, and social & demographic characteristics of domestic visitors in 2023.

*In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said “Annual domestic tourism performance in Malaysia experienced a sharp upturn in 2023 with a total spending of RM84.9 billion, compared to RM64.1 billion in 2022. The significant hike in expenditure was attributed by astounding increase of 34.4 per cent in the number of tourists and 29.7 per cent in excursionists, where tourists spending contribution accounted for the majority at 61.5 per cent (2022: 60.7%). The number of domestic visitors surged 24.6 per cent to reach 213.7 million visitors compared to the 171.6 million recorded in 2022.”*

*Domestic visitors spend the most on shopping with a share of 36.3 per cent (2022: 38.9%), followed by food and beverages at 16.3 per cent (2022: 15.2%), and purchase of automotive fuel at 13.2 per cent (2022: 13.8%). Visiting relatives and friends remained the primary purpose of domestic tourism, accounting for 33.6 per cent*

(2022: 33.7%), but it has yet to surpass the pre-pandemic percentage of 42.3 per cent. Shopping remained the second most significant purpose, contributing 32.6 per cent (2022: 29.9%).

The number of domestic trips witnessed a significant increase, with domestic visitors undertaking 241.5 million trips within the country in 2023, representing a notable surge of 16.2 per cent as compared to the previous year. However, the average length of stay (ALOS) decreased to 2.45 nights in 2023 from 2.55 nights in the previous year.


Commenting further on domestic visitor arrivals by state, Selangor emerged as the most visited state in 2023, attracting 27.6 million domestic visitors. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Sarawak, welcoming 22.2 million and 17.9 million domestic visitors, respectively. Notably, the number of domestic tourists visiting Johor witnessed a substantial increase of 42.7 per cent, reaching 8.92 million tourists compared to the previous year at 6.25 million tourists.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Number of Domestic Visitors by Quarter, 2021 – 2024**




**Chart 2: Total Domestic Tourism Expenditure by Quarter, 2021 – 2024**



**Chart 3: Number of Domestic Visitors in Malaysia, 2012 – 2023**



**Chart 4: Total Expenditure of Malaysia's Domestic Visitors, 2012 – 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**12 JUNE 2024**

***Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 12 June 2024***